

Headline	Rang Undang Undang Sumber Air dibentang 2017		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	9	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	225 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,488
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,464



Rang Undang-Undang Sumber Air dibentang 2017

KUALA LUMPUR 11 Okt. - Rang Undang-Undang Sumber Air baharu yang bakal dibentangkan di Parlimen pada suku pertama tahun hadapan tidak langsung menyentuh kuasa kerajaan negeri berhubung pengurusan sumber air di negeri masing-masing.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Hamim Samuri berkata, penggubalan rang undang-undang itu adalah bagi menjamin perjalanan serta keberkesaan sumber air diurus tadbir bersama kerajaan pusat dan negeri selari dengan kehendak yang digariskan oleh Majlis Sumber Air Negara.

“Ia hanyalah berbentuk penyelarasan antara semua negeri. Rang undang-undang baharu ini tidak langsung mengambil malah ‘mengusik’ satu mililiter sekali-pun kuasa kerajaan negeri,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan seminar **Tumbuhan Ubatan dan Beraroma ke-14 di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)** di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod dan Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat (Mara), Datuk Ibrahim Ahmad.

Mengulas lanjut Hamim berkata, penggubalan akta itu kini berada di peringkat akhir dan sedang dalam perbincangan membabitkan pelbagai agensi kerajaan, industri swasta dan kerajaan negeri. “Memandangkan soal pen-



HAMIM SAMURI tertarik dengan produk teknousahawan selepas merasmikan seminar **Tumbuhan Ubatan dan Beraroma ke-14 di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Kuala Lumpur, semalam.** - UTUSAN/HALIM KHALID

gurusan air terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, setakat ini kita sudah membenarkan rang undang-undang itu di semua Dewan Undangan Negeri (DUN) kecuali Sabah dan Selangor,” ujarnya.

Beliau menjelaskan, Kerajaan Pusat hanya bertindak sebagai orang tengah. Bagaimanapun kuasa sepenuhnya masih terletak di bawah kerajaan negeri iaitu Menteri Besar.

“Kerajaan negeri masih mempunai kuasa untuk mengubah-suai enakmen itu mengikut kesesuaian negeri masing-masing,” katanya.

Dalam pada itu, Hamim memberitahu, kementeriannya

meletakkan sasaran mempertingkatkan pendapatan kasar negera produk herba sebanyak 2.5 bilion menjelang tahun 2020.

Menurutnya, nilai pasaran herba antara tahun 2009 dan 2014 menunjukkan peningkatan tahunan sebanyak 45 peratus bagi import dan 54 peratus untuk eksport.

“Nilai pasaran tertinggi untuk import dan eksport direkodkan pada RM8.74 juta (AS\$2.1 juta) dan RM1.8 bilion (AS\$441.7 juta) dua tahun lalu,” katanya.

Menyedari keberkesaanan produk herba di Malaysia, beliau memberitahu, sebagai permulaan kerajaan kini menyasarkan penyediaan makanan antidiabetes di hospital-hospital.